

Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)

BUKU PANDUAN

PERATURAN SKIM PENGIKTIRAFAN ASATIZAH (ARS)
DAN PUSAT & PENYEDIA KHIDMAT
PENDIDIKAN ISLAM (IECP)



Majlis Ugama Islam Singapura
(Islamic Religious Council of Singapore)

KANDUNGAN

01.PENDAHULUAN

- Latar Belakang
- Apakah yang dimaksudkan dengan Skim Mandatori Pengiktirafan Asatizah (ARS) dan Peraturan Pusat dan Penyedia Khidmat Pendidikan Islam (IECP)?
- Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB)

02.SKIM PENGIKTIRAFAN ASATIZAH (ARS)

- Apakah yang dimaksudkan dengan Pengajaran Islam?
- Siapa yang tertakluk di bawah ARS?
- Apakah syarat-syarat kelayakan ARS?
- Mengenai Program Sijil Pos-Siswazah Islam dalam Masyarakat Kontemporari (PCICS)
- Dasar dan peraturan baru ARS:
  - Meneliti latar-belakang Pemohon
  - Keperluan Kategori Asatizah Graduan
  - Pengumpulan jam kredit Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) bagi Guru Al-Quran
  - Pengumpulan jam kredit CPE bagi Pemegang Pas pekerja
  - Program Pengintegrasian Semula Asatizah (ARP)
  - Peringkat Pengajaran bagi Guru Agama (Asatizah) dan Guru Al-Quran
- Apakah yang dimaksudkan dengan CPE?
- Bagaimana saya boleh mendaftar?
- Pengemaskinian maklumat peribadi

03. PUSAT DAN PENYEDIA KHIDMAT PENDIDIKAN ISLAM (IECP)

- Apakah yang dimaksudkan dengan IECP?
- Apakah syarat-syarat pendaftaran?
- Rangka Kerja Pendaftaran IECP
- IECP yang terdaftar di bawah Muis

04. MAKLUMAT LAIN BERKAITAN DENGAN PERATURAN ARS DAN IECP

- Rayuan dan Denda
- Kod Etika (CoE) bagi Penyedia Khidmat Pengajaran Islam

.01
PENDAHULUAN

> “Skim ini telah dibangunkan dengan tujuan mempertingkat taraf guru agama (asatizah) dan berfungsi sebagai sumber rujukan berwibawa bagi masyarakat Islam Singapura.”

LATAR BELAKANG

Keperluan untuk mempunyai sebuah badan pentauliahan bagi Asatizah di Singapura telah diusulkan pada tahun 90-an oleh ulama mapan dan Asatizah di Persatuan Ulama & Guru-Guru Agama Islam Singapura (PERGAS). Usulan tersebut telah dikemukakan kepada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) untuk dibincangkan. Pada tahun 2004, Muis telah membentuk ARB dan melantik Ustaz Hj Ali bin Hj Mohamed sebagai pengerusi pertamanya, manakala Pergas sebagai sekretariat. Pada tahun berikutnya, ARS telah dilancarkan dan kumpulan pertama Asatizah telah mendaftar secara sukarela. Skim ini telah melalui beberapa perubahan dari segi penambah-baikan dan penghalusan dari semasa ke semasa.

Skim ini telah dibangunkan dengan tujuan mempertingkat taraf guru agama (Asatizah) dan berfungsi sebagai sumber rujukan berwibawa bagi masyarakat Islam Singapura. Pengiktirafan diberikan hanya kepada guru-guru agama yang berkelayakan, serta didapati sesuai untuk berdakwah dan mengajar agama. Semua permohonan dinilai dan diluluskan oleh ARB. Anggota Lembaga terdiri daripada Asatizah mapan yang dilantik oleh Muis untuk tempoh tiga tahun.

Asatizah memainkan peranan penting dalam memberi panduan agama bagi masyarakat Islam Singapura dalam landskap perubahan dan kepelbagaian sosio-agama yang semakin rencam dan berkembang. Masyarakat memerlukan panduan agama yang moderat dan sesuai dengan konteks dan cara kehidupan moden di Singapura yang berbilang bangsa dan agama. Guru-guru agama kita perlu menyampaikan dan memaparkan Islam sebagai “Rahmah Untuk Semua” dan memelihara serta melindungi masyarakat dari segala bentuk ideologi yang memecahkan keharmonian kaum.
ARS juga bertujuan mempertingkatkan taraf profesionalisma Asatizah dan membangunkan kemahiran diri. Pemimpin masyarakat Islam mengalu-alukan skim ARS ini diperkukuhkan menjadi skim mandatori yang menyeluruh merangkumi semua Asatizah bermula 1 Januari 2017.

Begitu juga dengan peraturan IECP yang akan membantu masyarakat Islam untuk memperoleh maklumat mengenai senarai IECP yang mempunyai kredibiliti. Ini bagi memastikan agar ideologi dan ajaran sesat atau bermasalah dapat dicegah dan dikawal.

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN MANDATORI SKIM PENGIKTIRAFAN ASATIZAH (ARS) DAN PERATURAN PUSAT & PENYEDIA KHIDMAT PENDIDIKAN ISLAM (IECP)?

Seksyen 87 di dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (AMLA) memerlukan:

(1) setiap individu yang mengajar agama Islam di Singapura, dan

(2) setiap penyedia khidmat yang menawarkan program-program pendidikan Islam, untuk berdaftar dan diselia.

Peraturan Sekolah Agama Islam di bawah AMLA Seksyen 87 meliputi perkara-perkara berikut:

- memerlukan pendaftaran guru agama dan guru Al-Quran di bawah ARS
- menggantung atau membatalkan status ARS guru agama dan guru Al-Quran yang menyebarkan ajaran dan pandangan yang sesat
- memerlukan pendaftaran Pusat dan Penyedia Khidmat Pendidikan Islam
- mengambil tindakan terhadap pusat atau penyedia khidmat yang tidak peka dengan mengambil guru-guru agama yang tidak berdaftar di bawah ARS untuk mengajar atau yang menggunakan kandungan bahan-bahan pembelajaran yang melanggar batas-batas doktrin Kod Etika ARS.

LEMBAGA PENGIKTIRAFAN ASATIZAH (ARB)

Lembaga Pengiktirafan Asatizah (ARB) dilantik oleh Muis untuk jangkamasa tiga tahun dan boleh diperbaharui setiap tiga tahun. Peranan utama ARB ialah memimpin serta mempertingkatkan ilmu dan keupayaan asatizah melalui program-program CPE, mencorak hala-tuju pembangunan Asatizah, melakar dasar serta melaksanakan inisiatif-inisiatif ARS.

Lembaga ARB juga berperanan dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan permohonan dan status ARS sama ada memberi kelulusan, penolakan, penggantungan ataupun pembatalan. Ia juga berperanan sebagai badan yang menyediakan panduan bagi mempastikan para Asatizah tertakluk kepada Kod Etika (CoE) dalam membimbing masyarakat Islam dalam memberi panduan agama yang sesuai dengan konteks Singapura.





.02
SKIM PENGIKTIRAFAN ASATIZAH (ARS)

> “ ARS diperuntukkan kepada semua yang mengajar agama Islam di Singapura. ”

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PENGAJARAN ISLAM?

Pengajaran Islam merujuk kepada penyediaan pengajaran Islam di dalam apa jua subjek atau bidang dalam sebuah IECP kepada seorang atau lebih yang bukan ahli keluarganya. “Ahli keluarga” di sini merujuk kepada pasangan, anak, ibu bapa, mertua, adik beradik, atau mana-mana individu lain yang mempunyai pertalian darah atau perkahwinan dan hidup dalam rumah yang sama dengan guru tersebut.

SIAPA YANG TERTAKLUK DI BAWAH ARS?

ARS diperuntukkan kepada semua yang mengajar agama Islam di Singapura, merangkumi penduduk Singapura, penduduk tetap dan mereka yang menggunakan Pas Pekerjaan (Employment Pass) untuk mengajar agama serta mereka yang menggunakan Pas Lawatan Jangka Panjang (Long-Term Visit Pass) daripada Pihak Berkuasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA).

ARS tidak dikenakan ke atas penceramah agama warga asing kerana mereka tertakluk di bawah skim permit lain yang dikenali sebagai Miscellaneous Work Pass (MWP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga Manusia (MOM). Penaja tempatan bagi penceramah agama tersebut perlu memastikan bahawa penceramah mempunyai kelayakan agama yang sesuai sebelum memohon untuk MWP.

APAKAH SYARAT-SYARAT KELAYAKAN ARS?

Setiap permohonan akan dipertimbangkan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- Pemohon perlu memenuhi taraf kelayakan yang mencukupi untuk mengajar di pusat pendidikan Islam (berdasarkan kepada kelayakan akademik yang tertera di dalam jadual kriteria di bawah); dan
- Pemohon dinilai sebagai layak dan sesuai* untuk mengajar di pusat pendidikan Islam.

*Dalam menimbangkan sama ada seseorang itu layak dan sesuai untuk mengajar agama, beberapa aspek perlu diambil kira antaranya:

- kesalahan yang dilakukan merangkumi faktor kecurangan, akhlak, keganasan atau menimbulkan bahaya kepada kanak-kanak
- penggantungan atau pembatalan ARS sebelum ini
- tingkah laku seseorang yang tidak memenuhi taraf tingkah laku umum yang diharapkan daripada seorang guru di mana-mana pusat pendidikan, atau yang memalukan atau yang tidak wajar

Permohonan ARS oleh graduan-graduan Pengajian Islam, sama ada lulusan dari institusi pendidikan tinggi Islam tempatan (program berkembar), luar negara, program separuh-masa atau program jarak-jauh dalam talian (online), akan disemak dan dinilai oleh Lembaga ARB.

ARB berhak untuk memanggil pemohon untuk menduduki temuduga. Pemohon yang lulus akan dianugerahkan ARS untuk tempoh yang terhad (Provisional ARS) dan akan disalurkan bagi mengikuti program wajib PCICS yang dikendalikan oleh Akademi Muis sebagai sebahagian daripada syarat pengiktirafan penuh di bawah ARS. Pemohon yang lulus PCICS akan mendapat status penuh ARS (Full ARS).

MENGENAI PROGRAM SIJIL POS-SISWAZAH ISLAM DALAM MASYARAKAT KONTEMPORARI (PCICS)

- PCICS adalah program Pendidikan dan Latihan Lanjutan selama setahun untuk graduan dari institusi pengajian tinggi Islam yang memohon ARS Tier 1 (Graduan). PCICS bertujuan untuk memupuk generasi Asatizah profesional yang mempunyai keyakinan tinggi, bersifat ihsan serta cekap dengan kemahiran dan ilmu yang diperlukan untuk memberikan bimbingan agama dalam dunia pasca-sekular.
- Pemohon ARS yang dikehendaki untuk menyertai PCICS adalah mereka yang telah tamat pengajian Sarjana Muda dalam Pengajian Islam dan Bahasa Arab dari November 2018 ke atas. Mereka yang berada dalam kategori Bersekutu dan ingin memohon untuk naik taraf juga dikehendaki untuk menyertai program ini. Mereka mempunyai pilihan untuk kekal dalam kategori Bersekutu.
- Program ini diberikan subsidi yang tinggi. Peserta yang mendaftar pada tahun 2020 hingga 2023 akan menikmati subsidi tinggi dan hanya akan dikenakan bayaran sebanyak $800 untuk program selama setahun ini. Ini juga sebagai satu pengiktirafan kepada mereka yang telah melanjutkan pengajian di universiti Islam luar negara tanpa pengetahuan bahawa program ini adalah satu kewajipan.

- Peserta program ini akan diberikan pengiktirafan sementara (Provisional ARS) sehingga mereka berjaya menyelesaikan PCICS. Mereka dikehendaki untuk menyelesaikan program ini dalam masa tiga tahun dari tahun mereka diberikan pengiktirafan sementara.
- Permohonan untuk menangguhkan penyertaan PCICS harus dibuat sebelum minggu kedua Penggal Pertama. Mereka yang tidak memohon pada waktu yang ditetapkan akan dikenakan bayaran 25% dari yuran pengajian.
- Pemohon yang ingin menarik diri dari PCICS akan ditarik semula pengiktirafan ARS. Mereka boleh menikmati subsidi sekiranya mereka memohon semula dalam masa tiga tahun dari tahun mereka diberikan pengiktirafan sementara.
- Mereka yang menamatkan program ini akan diberikan sebanyak 20 jam kredit CPE.
- Untuk maklumat lebih lanjut dan memuat turun prospektus, sila ke: https://go.gov.sg/pcics

DASAR DAN PERATURAN BARU ARS

Tahun 2020 merupakan tahun bermulanya pengiktirafan tiga-tahun ARS yang baru. Bermula tahun ini, ARB telah menyemak dan menilai semula kategori ARS. Bagi peringkat guru agama (Asatizah), terdapat hanya kategori Zamil (Fellow) dan kategori Graduan sahaja. Kategori Bersekutu (Associate) ditiadakan. Manakala peringkat guru Al-Quran pula, terdapat hanya kategori QT1 dan QT2 sahaja. Kategori QT3 ditiadakan.

Tujuan utama pengemaskinian bagi kedua-dua kategori tersebut ialah agar Asatizah yang berada dalam kategori tersebut dapat mempertingkatkan keupayaan dari segi pencapaian akademik dan keilmuan dengan lebih tinggi bagi menghadapi situasi masa kini dan masa depan yang lebih mencabar dan kompleks. Perubahan ini berkuatkuasa bermula pada **1 Januari 2020.**

Mereka yang sudah berada di dalam kategori bersekutu dan QT3 sebelum **1 Januari 2020**, tidak terjejas dengan perubahan ini. Walaubagaimanapun, Muis serta ARB akan terus berusaha menggalakkan mereka untuk terus mempertingkatkan tahap keupayaan akademik dan keilmuan mereka dari masa ke masa.

Selain dari itu, beberapa peraturan baru juga telah diperkenalkan antaranya:



Meneliti latar-belakang pemohon dengan terperinci

Bermula pada Januari 2020, Pejabat ARS perlu memastikan setiap latar belakang pemohon baru ARS. Ini bagi mempastikan bahawa pemohon tidak terlibat dengan apa jua salah laku sebelum permohonan mereka dapat diluluskan. Proses penelitian ini dijangka mengambil masa selama enam bulan. Pengiktirafan sementara akan diberikan sekiranya proses telah melebihi enam bulan, dengan syarat memenuhi keperluan kursus wajib Kod Etika. Pengiktirafan sementara ini tidak diberikan kepada para peserta program ARP.

Keperluan Kategori Asatizah Graduan

Bermula pada Januari 2020, semua tugas atau kegiatan dakwah yang dikelolakan oleh Muis serta institusi-institusi agama yang bernaung di bawahnya merangkumi masjid dan madrasah serta agensi-agensi yang menawarkan khidmat keagamaan perlu mendapatkan mereka yang mempunyai pengiktirafan ARS kategori graduan bagi menggalas tugas-tugas berikut:

1. Penyampai Khutbah, Ceramah, Kuliah dan Syarahan
2. Pegawai Agama Masjid (MRO)
3. Pegawai Pembangunan Belia (YDO)
4. Pegawai Pembangunan Sosial (SDO)
5. Asatizah Madrasah Sepenuh-Masa
6. Mahkamah Syariah (SYC) dan Pejabat Pernikahan Orang-orang Islam Singapura (ROMM)
7. Mutawwif

**Sekiranya jawatan sebagai YDO atau SDO perlu untuk menggalas tugas keagamaan seperti memimpin kuliah agama dan menyampaikan khutbah, jawatan ini harus diambil oleh Asatizah yanG mempunyai pengiktirafan ARS T1 Graduan.*

Pengumpulan jam kredit CPE bagi Guru Al-Quran

Guru Al-Quran perlu memenuhi keperluan 15 jam kredit CPE (termasuk program wajib Seminar Kod Etika dalam talian) sepanjang tiga tahun pengiktirafan (2020-2022).

Pengumpulan jam kredit CPE bagi Pemegang Pas pekerja

Pemegang permit pas pekerja (Work Permit/Employment Pass) perlu memenuhi keperluan 20 jam kredit CPE (termasuk program wajib Seminar Kod Etika dalam talian) sepanjang tahun pengiktirafan ARS mereka. (Tarikh luput pengiktirafan ARS selaras dengan tarikh luput pas pekerja mereka selama 2 tahun).

Program Penerimaan Semula Asatizah ARP

Asatizah atau Guru Al-Quran yang pengiktirafan ARS mereka telah digantung, dibatalkan atau ditolak atas sebab-sebab pelanggaran kod etika boleh dipertimbangkan untuk diterima semula ke dalam sistem ARS dan layak untuk diberi pengiktirafan untuk mengajar semula kelas atau kuliah agama atau Al-Quran (bergantung kepada kategori ARS mereka) setelah selesai mengikuti Program ARP.

Program ARP ini merupakan satu proses penerimaan semula Asatizah yang telah menjalani penggantungan, pembatalan atau penolakan ARS yang bertujuan untuk menyediakan peluang kedua untuk mereka berkhidmat semula kepada masyarakat.

•Pengumpulan jam kredit CPE bagi Guru Agama tidak berubah iaitu 30 jam kredit CPE.

Ia merupakan satu program yang berasaskan kajian, menggunakan pendekatan pemulihan profesional dan sokongan kaunseling. Ia bertujuan untuk mengubah dan memperbaiki keperibadian, kefahaman agama dan jati diri mereka dengan mengikuti berbagai aktiviti dan program.

Mereka yang disalurkan untuk mengikuti program ARP ini perlu melalui beberapa proses antaranya:

- Pra-Penilaian: Proses ini akan dibimbing oleh kaunselor profesional
- Kes-Konfrensi: Pihak ARB dan kounselor akan menentukan pendekatan yang sesuai bergantung kepada kadar kekerapan program
- Mentor: Proses mentor ini (Suhbah) akan dibimbing oleh Asatizah mapan yang membimbing dari segi intelektual dan kerohanian
- Kaunseling
- Penerimaan masyarakat: Mereka akan dipantau selama setahun dan perlu mengikuti sekurang-kurangnya 15 jam kredit CPE

TEMPOH ARP

		Kesalahan kecil (< 6 bulan)	Kesalahan serius (3-6 tahun)	Kesalahan teruk (7-9 tahun)
Sebelum pendaftaran semula	Bimbingan (Suhbah)	2 – 3 sesi	3 - 5 sesi (setiap tahun)	4 - 6 sesi (setiap tahun)
	Terapi Tingkah Laku	2 – 3 sesi	3 - 5 sesi (setiap tahun)	4 - 6 sesi (setiap tahun)
Selepas pendaftaran semula dan sedang dalam tempoh percubaan	Penerimaan Masyarakat	5 - 7 jam kredit CPE yang akan ditentukan oleh ARB	10 – 15 jam kredit CPE yang akan ditentukan oleh ARB	15 – 20 jam kredit CPE yang akan ditentukan oleh ARB
	Salah Laku Etika:		**Kefahaman Ideologi:**	
	Kesalahan kecil: Tingkah laku yang telah ditentukan oleh ARB sebagai tidak sesuai dan bercanggah dengan Kod Etika ARS. **Kesalahan serius:** Apa-apa perbuatan yang mencemarkan nama baik kumpulan Asatizah, tetapi tidak sehingga kepada dakwaan mahkamah. **Kesalahan teruk:** Setiap perbuatan atau kesalahan yang membawa kepada pendakwaan atau melanggar hukum-hakam Agama.		**Kesalahan kecil:** Menyindir atau menyalahkan agama atau kumpulan agama lain. **Kesalahan serius:** Mengutuk kepercayaan dan pengamalan kumpulan intra agama atau tidak menggalakkan dialog dan kerjasama dengan agama lain. **Kesalahan teruk:** Mengecam, mengucapkan kebencian, mengkafirkan kumpulan silang mazhab yang lain atau menghina agama lain.	

Peringkat Pengajaran bagi Guru Agama (Asatizah) dan Guru Al-Quran

Terdapat dua peringkat di dalam ARS: (1) Guru Agama (Asatizah) dan (2) Guru Al-Quran. Sila rujuk jadual berikut untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai kategori, kriteria dan peringkat pengajaran:

PERINGKAT	KATEGORI	KRITERIA	KEPERLUAN CPE	PERINGKAT PENGAJARAN	RUANG MENGAJAR
GURU AGAMA (ASATIZAH	ZAMIL	• Kategori khas bagi mengiktiraf sumbangan ilmu pengetahuan, aktiviti dakwah dan kemasyarakatan • Status ini diberikan berdasarkan kepada pencalonan sahaja	Dikecualikan	Secara dasar semua subjek Pengajian Islam berdasarkan kepada kelayakan, kemampuan & kemahiran (untuk semua peringkat – Asas hingga Lanjutan)	Dibenarkan mengajar di semua tempat pengajian termasuk tempat-tempat awam
	GRADUAN	• Sarjana Muda dalam Pengajian Islam daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf • Kelayakan minima Bahasa Arab peringkat GCE 'A' atau setaraf • Lulus temuduga • Lulus PCICS	30 jam kredit CPE	Bidang-bidang Pengajian Islam, berdasarkan kelayakan, kemampuan & kemahiran (Peringkat Asas hingga Lanjutan)	Dibenarkan mengajar di semua tempat pengajian termasuk tempat-tempat termasuk: • Menyampaikan ceramah / syarahan / kuliah • Menyampaikan khutbah
GURU AL-QURAN	QT1	• Diploma dalam Pengajian Islam atau Al-Quran daripada institusi pengajian tinggi. (Yang diiktiraf di dalam 'white list') • Kelayakan minima bahasa Arab peringkat GCE 'A' atau setaraf • Lulus temuduga	15 jam kredit CPE	• Pengajaran Al- Quran & Fardhu 'Ain asas berdasarkan kurikulum AQIL • Pengajaran peringkat aLIVE (Kids-Youth) • Pengajaran IRK berdasarkan peringkat GCE 'O'	Dibenarkan mengajar di semua tempat pengajian termasuk tempat-tempat awam
	QT2	• Sijil-sijil dalam Pengajian Islam atau Al-Quran • Lulus temuduga **Pemohon harus menggunakan Sijil Tamat Kursus dari Program Sijil Pengajian Islam atau Program Sijil Pengajian Al-Quran yang berstruktur yang melayakkan pemohon untuk melanjutkan pengajian ke Peringkat Pra-Diploma dan bukan sijil penyertaan.*	15 jam kredit CPE	QT2 dibahagikan kepada dua: 1.Yang mengajar Fardhu Ain: • Pengajaran peringkat aLIVE (Kids atau yang setaraf dengannya 2.Yang mengajar Al-Quran • Pengajaran Al- Quran (Tajwid, Tilawah) & Fardhu 'Ain asas • Ini termasuk kurikulum AQIL atau yang setaraf dengannya	• Hanya dibenarkan mengajar di dalam kelas • Tidak dibenarkan mengajar di tempat awam TIDAK dibenarkan: • Khutbah • Kuliah/ Ceramah Umum

Nota: Peringkat Pengajaran bagi QT3 adalah terhad kepada pembacaan Al-Quran, Tajwid, Tilawah dan Metode untuk membaca Al-Quran seperti Iqra' dan Qiraati.

Lembaga ARB berhak menemuduga para pemohon untuk setiap kategori di atas sebelum meluluskan permohonan mereka.

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PENDIDIKAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CPE)?

Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) adalah skim latihan untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme Asatizah ARS. Asatizah yang berdaftar di bawah ARS dikehendaki memenuhi keperluan minima jam kredit dalam tempoh tiga tahun dengan mengikuti program pembangunan profesional yang diiktiraf. Ini sebagai tuntutan agar pengiktirafan ARS mereka dapat diperbaharui.

CPE bertujuan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

- Mempertingkatkan ilmu dan kemahiran Asatizah secara berterusan;
- Memastikan Asatizah mengikuti tren semasa perkembangan serantau dan antarabangsa serta memahami kesannya terhadap kehidupan sosio-agama masyarakat setempat; dan
- Memastikan Asatizah mampu memberi bimbingan agama yang relevan sesuai dengan konteks Singapura.

Keperluan CPE berbeza mengikut dua peringkat - Guru Agama (Asatizah) atau Guru Al-Quran:

- Guru Agama: 30 jam kredit CPE untuk jangkamasa tiga tahun.
- Guru Al-Quran: 15 jam kredit CPE untuk jangkamasa tiga tahun.

Pembahagian jam kredit CPE

Dengan pengenalan Pelan Pembangunan Tenaga Kerja Asatizah (CCF), Muis akan mengkaji kedudukan kemahiran dan kecekapan dalam kerangka CPE. Butiran lanjut telah diumumkan pada Q4 2020. Sementara kajian sedang dijalankan, pengiktirafan hingga 40% jam kredit CPE akan diberikan untuk latihan yang berkaitan dengan kemahiran serta latihan selain di bawah kalendar CPE. Beberapa saranan latihan kemahiran juga akan disertakan dalam kalendar CPE.

Pengecualian CPE

Mereka yang berikut dikecualikan dari memenuhi keperluan CPE:

- Pelajar sepenuh masa dalam program-program ijazah atau pos-siswazah di dalam Pengajian Islam (perlu mengemukakan salinan surat penerimaan dari pihak universiti);
- berumur 65 tahun ke atas;
- sedang menjalani rawatan perubatan jangka panjang (perlu mengemukakan salinan dokumen rasmi dari hospital); atau
- sebab-sebab lain yang boleh dipertimbangkan oleh pihak ARB

Asatizah yang ingin mendapatkan pengecualian CPE dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan dan emelkan kepada ARS@muis.gov.sg.

Bagi yang ingin mengetahui jumlah jam kredit CPE yang telah mereka kumpulkan secara individu, mereka boleh lakukan demikian dengan menggunakan Singpass dan kata-laluan dengan mengimbas kod QR di bawah atau lungsuri lelaman web www.ars.sg.



BAGAIMANA SAYA BOLEH MENDAFTAR?

Permohonan untuk mendaftar di bawah ARS boleh dibuat melalui dalam talian (online) di lelaman web www.ars.sg.

Pemohon dikehendaki melampirkan dokumen-dokumen berikut sewaktu melakukan pendaftaran dalam talian:

- Gambar terkini mengikut saiz passport.
- Salinan kad pengenalan/ pasport/ permit kerja.
- Sijil-sijil kelayakan agama dan transkrip di setiap peringkat dengan pengesahan 'certified true copy'.

Proses Penilaian

Pihak ARB hanya akan menilai setiap permohonan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Proses penilaian serta penelitian latarbelakang pemohon mengambil masa selama selama enam bulan sebelum permohonan tersebut diluluskan dan dimaklumkan jika tiada sebarang maklumat tambahan yang diperlukan.

ARB berhak menjalankan sesi temuduga bagi setiap pemohon. Pemohon yang berjaya akan menerima Sijil Pengiktirafan ARS. Pengiktirafan yang berbentuk sementara (Provisional ARS) boleh diberikan tertakluk kepada kelayakan pemohon.
Keputusan akan dimaklumkan kepada pemohon secara rasmi.

Nama pemohon yang berjaya sebagai Guru agama (Asatizah) atau Guru Al-Quran akan disenaraikan di lelaman web www.ars.sg.

Dasar keputusan setiap penolakan, penggantungan atau pembatalan yang berkaitan dengan pendaftaran ARS ada dinyatakan di dalam Peraturan Sekolah Agama Islam di bawah Seksyen 87 Enakmen AMLA.

Segala rayuan yang dibuat susulan dari keputusan ARB yang berkaitan dengan pendaftaran pemohon akan diserahkan kepada Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam. (sila lihat halaman 25 untuk butir-butir proses rayuan).

> “Pihak Lembaga ARB hanya akan menilai setiap permohonan dengan dokumen sokongan yang lengkap.”

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PERIBADI

Setiap individu Asatizah dan Guru Al-Quran yang terdaftar di dalam Skim ARS perlu dari masa ke masa mengemaskini maklumat peribadi mereka (jika berlaku perubahan). Ini penting agar mereka dapat terus dihubungi dan dapat berkomunikasi dengan Pejabat dan Sekretariat ARS bagi tujuan menyampaikan maklumat terkini berkaitan ARS.

Berlaku sebahagian kecil Asatizah dan guru Al-Quran yang gagal dihubungi untuk diberikan maklumat serta perkembangan terkini ARS. Mereka tidak memaklumkan kepada Pejabat dan Sekretariat ARS bahawa mereka telah sama ada berpindah rumah atau tukar alamat emel atau tukar nombor telefon bimbit (HP). Oleh itu, untuk memudahkan proses mengemaskini maklumat peribadi, Asatizah boleh lakukan demikian dengan menggunakan Singpass dan kata-laluan dengan mengimbas kod QR di bawah atau lungsuri lelaman web www.ars.sg.

.03

PUSAT DAN PENYEDIA KHIDMAT PENDIDIKAN ISLAM (IECP)

> “Individu atau entiti yang ingin menubuhkan sebuah pusat pendidikan Islam atau menawarkan pendidikan Islam perlu mendaftarkan pusat tersebut dengan Muis.”

APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PUSAT DAN PENYEDIA KHIDMAT PENDIDIKAN ISLAM (IECP)?

IECP adalah singkatan perkataan yang memberi maksud pusat atau penyelia khidmat yang menawarkan pendidikan agama kepada selain ahli keluarga terdekat. Ini termasuk kelas agama yang diadakan di premis-premis berikut:

- Masjid
- Madrasah
- Pusat pendidikan Islam swasta
- Organisasi masyarakat Islam
- Ruang-ruang yang disewa
- Perumahan

APAKAH SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN?

Individu atau entiti yang ingin menubuhkan sebuah pusat pendidikan Islam atau menawarkan pendidikan Islam perlu mendaftarkan pusat tersebut dengan Muis. Untuk tujuan pendaftaran, pemilik IECP dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- Kurikulum dan bahan-bahan pengajaran
- Senarai guru yang diambil bekerja oleh IECP

IECP dikehendaki mengambil hanya Guru Agama (Asatizah) atau Guru Al-Quran yang berdaftar di bawah ARS dan memastikan bahawa kurikulum, bahan pengajaran serta setiap tenaga pengajar mematuhi Kod Etika ARS (sila rujuk halaman 27).

RANGKA KERJA PENDAFTARAN IECP

Proses Permohonan bagi IECP yang baru dan yang sedia ada

Semua IECP perlu melantik seorang pengurus di kalangan pihak pengurusan mereka (seperti mudir / ketua pusat). Pegawai tersebut akan berperanan sebagai penghubung antara IECP dan Muis.

Bagi IECP yang mempunyai lebih daripada satu cawangan, setiap cawangan dikehendaki mendaftar secara berasingan.

Semua permohonan hendaklah dibuat melalui dalam talian (online) di lelaman web www.ars.sg.

Kelulusan pendaftaran mengambil masa selama dua bulan jika tiada sebarang maklumat tambahan yang diperlukan. IECP sedia ada (ditubuhkan sebelum 1 Januari 2017) boleh mengendalikan pusat mereka semasa proses pendaftaran berjalan. Bagi IECP yang baru, ia perlu mendapatkan kelulusan Muis terlebih dahulu sebelum pengiklanan kursus dan pengambilan murid dan pelajar dijalankan. Tempoh sah pendaftaran ialah selama tiga tahun.

IECP yang ingin berdaftar di bawah Muis digalakkan untuk mendaftar terlebih dahulu sebagai satu entiti perniagaan/ syarikat dengan Penguasa Pengawalan Perakaunan dan Korporat (ACRA), atau sebagai pertubuhan dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) sebelum mendaftar dengan Muis.

IECP yang sudah berdaftar dengan ACRA atau ROS diminta untuk mengemaskinikan aktiviti utama / perniagaan mereka sebagai penyedia khidmat pendidikan agama.

IECP perlu memastikan bahawa nama yang didaftarkan adalah sama dengan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat (Bab. 50) atau Akta Pertubuhan (Bab. 311).

Pembaharuan dan Pengemaskinian

IECP dikehendaki memperbaharui pendaftaran mereka sebelum tempoh pendaftaran tamat. Permohonan untuk memperbaharui pendaftaran perlu dilakukan selewat-lewatnya tiga bulan sebelum tamat tempoh.

IECP yang berdaftar perlu mengemaskini program yang dijalankan dan mengirimkan laporan terkini kepada Muis pada 31^{hb} Mac setiap tahun. Laporan tahunan merangkumi maklumat-maklumat berikut:

- Kelas-kelas baru yang ditawarkan
- Jumlah pendaftaran
- Sebarang perubahan dalam pengambilan guru (contoh guru baru)

Pembaharuan serta pengemaskinian ini boleh dilakukan dengan mengimbas kod QR di bawah atau lungsuri lelaman web www.ars.sg.

Muis perlu dimaklumkan mengenai hal-hal berikut:

- Penutupan IECP sekurang-kurangnya dua bulan lebih awal.
- Pertukaran alamat dalam tempoh 14 hari selepas perpindahan.
- Pertukaran nama syarikat dalam tempoh 14 hari dari pertukaran.

Penilaian Kurikulum dan Bahan Pembelajaran

IECP perlu memastikan bahawa kandungan kursus serta semua bahan-bahan pengajaran / pembelajaran mematuhi Kod Etika ARS.

Kurikulum akan dinilai berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh IECP yang meliputi perkara-perkara berikut:

- Format pelajaran (kelas biasa/ seminar/ di rumah)
- Tahap pengajaran (contoh rendah, menengah, dewasa)
- Bahan-bahan pengajaran yang digunakan
- Natijah akhir program
- Bahan rujukan

Penilaian Asatizah Dalam IECP

IECP perlu memastikan Asatizah yang dilantik sebagai tenaga pengajar (sepenuh masa atau separuh masa) telah didaftarkan di bawah ARS.

Lawatan ke Pusat IECP

Lawatan ke pusat-pusat IECP merupakan satu inisiatif yang baru dilaksanakan oleh Pejabat ARS. Inisiatif ini diharap dapat memberi wadah kepada pegawai Muis serta pemilik dan pengelola pusat IECP untuk saling bertukar maklumat serta memahami lebih dekat peranan masing-masing.

Siasatan

Muis berhak menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana IECP, jika perlu. Pemilik IECP akan ditemuduga serta dikehendaki mengemukakan maklumat tambahan. Kegagalan mematuhi syarat-syarat pendaftaran di bawah Peraturan Sekolah Agama Islam Seksyen 87 AMLA akan berdepan dengan tindakan-tindakan berikut:

- Pendaftaran tidak diterima
- Pengurangan tempoh sah pendaftaran (contoh: pembaharuan diperlukan dalam tempoh satu tahun)
- Penggantungan
- Pembatalan

Walau bagaimanapun, proses siasatan dan pemulihan akan dilakukan sebelum sebarang tindakan diambil terhadap pemilik IECP. Kegagalan mematuhi langkah-langkah siasatan dan pemulihan akan dikenakan denda seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Sekolah Agama Islam di bawah Seksyen 87 AMLA.

PUSAT DAN PENYEDIA KHIDMAT PENDIDIKAN ISLAM YANG TERDAFTAR DI BAWAH MUIS

IECP yang didaftarkan di bawah Muis akan disenaraikan di lelaman web berikut www.ars.sg. Mana-mana IECP yang telah digantung atau dibatalkan akan dikeluarkan daripada direktori.

Setelah mendapat kelulusan pendaftaran IECP, Muis akan mengeluarkan sijil pendaftaran kepada setiap pusat dan penyedia khidmat pendidikan agama. Sijil ini adalah bukti bahawa cawangan atau penyedia tersebut telah mendaftar di bawah Muis.

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan untuk mengambil sijil pendaftaran di pejabat Muis. Sijil tersebut hendaklah dipaparkan di lokasi yang boleh dilihat secara jelas di setiap pusat dan cawangan. Adalah menjadi tanggungjawab Pengurus setiap cawangan untuk memastikan sijil pendaftaran IECP tersebut diperbaharui tiga bulan sebelum tamat tempoh.



.04

MAKLUMAT LAIN BERKAITAN DENGAN PERATURAN ARS DAN IECP

> “Seorang guru mesti berpegang teguh kepada ajaran - ajaran Islam yang sederhana.”

RAYUAN DAN DENDA

Membuat Rayuan

Bahagian ini menggariskan prosedur rayuan yang boleh dibuat oleh Asatizah atau pemilik IECP terhadap keputusan ARB atau Muis, berkaitan dengan pendaftaran mereka. Segala rayuan hendaklah ditujukan kepada Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam dan perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan yang dibuat oleh ARB atau Muis mengenai status penolakan, penggantungan atau pembatalan pendaftaran. Keputusan Menteri adalah muktamad. Semua rayuan hendaklah dikirimkan kepada:

Minister-in-charge
of Muslim Affairs

c/o Ministry of Social and Family Development
MSF Building
512 Thomson Road, #10-00, Singapore 298136

Rayuan yang dikemukakan tidak akan menjejas atau memberi kesan terhadap Asatizah atau pemilik IECP. Walau bagaimanapun, jika rayuan tersebut didapati tidak berasas, berniat jahat atau mendatangkan kesulitan, Menteri boleh mempertimbangkan untuk menolak rayuan tersebut. Ini termasuk:

- rayuan yang berbentuk gangguan (harassment) buat ARB atau Muis, atau yang berulang;
- desakan untuk meneruskan rayuan yang tidak mempunyai dasar yang kuat dan/atau hasil yang tidak realistik atau tidak munasabah;
- rayuan yang direka untuk menyebabkan gangguan kepada keharmonian atau keselamatan negara; dan
- permintaan ganti rugi yang tidak mempunyai sebarang maksud atau nilai yang serius.

Hak Rayuan

Rayuan boleh dibuat susulan daripada hal-hal berikut:

- Kegagalan untuk mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan (31 Mac 2017);
- Penolakan pendaftaran ARS atau IECP
- Penggantungan atau pembatalan pendaftaran ARS atau IECP, disebabkan oleh:
  - Kegagalan untuk memenuhi jam kredit CPE yang ditetapkan dalam tempoh masa pembaharuan (untuk ARS);
  - Melanggar Kod Etika seperti yang diputuskan oleh ARB atau Muis; dan
  - Kegagalan untuk mengambil bekerja guru yang berdaftar dengan ARS (untuk IECP).

Tanggungjawab Pembuat Rayuan

Asatizah atau pemilik IECP yang ingin mengemukakan rayuan terhadap keputusan ARB atau Muis bertanggungjawab untuk menyediakan dokumentasi bagi menyokong rayuan mereka. Mereka perlu memastikan bahawa semua bukti-bukti relevan yang ingin dipertimbangkan diserahkan dengan surat permohonan mereka, kerana rayuan akan dipertimbangkan berdasarkan bukti yang dikemukakan. ARB atau Muis tidak akan mengumpulkan bukti bagi pihak mereka. Kegagalan mematuhi keperluan ini dalam tempoh yang ditetapkan boleh membawa kepada penggantungan dan pembatalan pendaftaran ARS atau IECP jika difikirkan sesuai oleh Menteri yang Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam.

Denda

Para pemilik IECP boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan Sekolah Agama Islam Seksyen 87 AMLA, dengan tidak lebih daripada denda $2000 atau 12 bulan penjara, bagi kesalahan-kesalahan berikut:

- Kegagalan untuk mendaftarkan IECP dengan Muis
- Kegagalan untuk mematuhi peraturan untuk:
  - Mengambil kerja hanya asatizah ARS yang berdaftar
  - Memperuntukkan guru agama (Asatizah) / guru Al-Quran untuk mengajar di tahap yang sesuai di bawah ARS
  - Mematuhi arahan Muis untuk tidak menggunakan Asatizah tertentu yang telah digantung atau dibatalkan kelayakan ARS
- Kegagalan untuk mengambil langkah-langkah pemulihan yang diarahkan oleh Muis untuk pendaftaran IECP
- Menghalang, menghambat atau enggan mematuhi arahan bagi tujuan pemeriksaan IECP, permintaan maklumat oleh Muis atau arahan kehadiran ke Muis untuk memberikan maklumat dan kerjasama
- Memberikan maklumat palsu

KOD ETIKA BAGI PENYEDIAAN KHIDMAT PENGAJARAN ISLAM

A. SEORANG GURU AGAMA ATAU GURU AL-QURAN



mesti berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam yang sederhana



mesti mempamerkan pemahaman agama yang mendalam serta sedar akan pertimbangan kontekstual di dalam penafsiran ajaran agama



mesti sentiasa bertindak dengan cara yang mengekalkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat Islam Singapura terhadap guru-guru agama, dan yang tidak menjejas nama baik bidang ini



mesti menyedari bahawa terdapat pelbagai pendapat dan aliran di dalam agama Islam, dan boleh memilih untuk menerima pakai dan mengajar mana-mana pendapat dan aliran selagi ia tidak menjejas keharmonian antara kumpulan-kumpulan agama atau kaum yang pelbagai atau menyebabkan kekacauan dalam masyarakat awam



perlu dibimbing dalam hal perundangan agama oleh ketetapan-ketetapan Jawatan kuasa Fatwa

B. SEORANG GURU AGAMA ATAU GURU AL-QURAN TIDAK BOLEH



menyatakan bahawa sebarang pendapat mengenai Islam atau mana-mana amalan Islam adalah sesat atau tidak boleh diterima kecuali Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan demikian dalam ketetapannya



melakukan sebarang perbuatan yang secara langsung atau tidak merendahkan mana-mana kumpulan agama atau kaum, atau yang boleh mejejaskan keharmonian antara kumpulan agama atau kaum yang berlainan atau menyebabkan kekacauan dalam masyarakat awam



menyokong sebarang idea yang boleh menggalakkan ekstremisme atau keganasan, sama ada secara langsung atau tidak

A. SEORANG GURU AGAMA ATAU GURU AL-QURAN MESTI

1. BERPEGANG TEGUH KEPADA AJARAN-AJARAN ISLAM YANG SEDERHANA


1.1 Ajaran Islam yang sederhana adalah jalan pertengahan dan seimbang antara kedua-dua pelampauan; berlebih-lebihan (Ifrath) dan kecuaian (Tafrith). Untuk mengelakkan daripada berlakunya pelampauan ini, seseorang itu perlu memelihara ajaran dan amalan Islam seperti yang ditekankan oleh majoriti pakar-pakar (Ulama) dalam bidang ilmu-ilmu Islam secara kolektif yang dikenali sebagai Ahlus Sunnah wa al-Jama'ah.

1.2 Ajaran-ajaran ilmu aqidah Islam hendaklah berdasarkan aliran-aliran yang diterima pakai di kalangan Ahlus Sunnah wa al-Jama'ah, termasuk aliran-aliran Abu Al-Ḥasan Al-Asy'ari dan Abu Manṣur Al-Maturidy dan aliran-aliran lain dari tradisi Islam yang terdahulu (Salaf).

1.3 Ajaran-ajaran ilmu amalan Islam (Fiqh) hendaklah berdasarkan aliran-aliran yang ditubuhkan (Mazahib Fiqhiyyah) dalam Ahlus Sunnah wa al-Jama'ah, termasuk mahzab Ḥanafi, Maliki, Shafi'i, Ḥanbali, dan pandangan- pandangan Ulama mujtahid yang diiktiraf oleh majoriti (Jumhur) Ahlus Sunnah wa al-Jama'ah dan boleh diterima untuk amalan masyarakat Islam di Singapura.

1.4 Ajaran-ajaran kerohanian Islam (mengikut konsep Iḥsan) hendaklah berdasarkan amalan-amalan yang muktabar dalam Ahlus Sunnah wa al-Jama'ah, termasuk ajaran-ajaran tarekat dan tasawwuf yang tidak bercanggah dengan prinsip asas agama Islam.

1.5 Ajaran Islam yang sederhana juga berpendirian bahawa tidak ada paksaan atau kekerasan dalam agama.



2. MEMPAMERKAN PEMAHAMAN AGAMA YANG MENDALAM SERTA SEDAR AKAN PERTIMBANGAN KONTEKSTUAL DI DALAM PENAFSIRAN AJARAN AGAMA

2.1 Ajaran Islam hanya boleh diperolehi daripada sumber yang boleh dipercayai dan dikemukakan kepada para penuntut dengan pemahaman dan tafsiran yang baik terhadap sumber-sumber ini. Oleh itu, sebarang ajaran Islam mesti diletakkan dalam kerangka pemikiran Islam yang lebih luas seperti yang diperolehi dari pelbagai ilmu seperti Ulum al-Ḥadith, Ulum Al-Quran, Usul al-Fiqh, al-Fiqh al-Muqaran, al-Qawa'id al-Fiqhiyyah dan Maqasid al-Shari'ah (Objektif-Objektif Shari'ah).

2.2 Keperluan utama dalam menafsir sumber agama adalah mengambil kira konteks di mana sumber-sumber ini difahami. Kedudukan dan pandangan yang diambil oleh Ulama masa lalu adalah berkait rapat dan hanya boleh difahami dengan sewajarnya jika ditetapkan dalam konteks masa dan persekitaran mereka. Bagi maksud mengajar Islam di Singapura, ia adalah perlu untuk mengambil kira keadaan masyarakat Singapura yang berbilang budaya dan agama dalam sebuah sistem pemerintahan dan undang-undang yang sekular dan berdasarkan demokrasi.

3. SENTIASA BERTINDAK DENGAN CARA YANG MENGEKALKAN KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN MASYARAKAT ISLAM SINGAPURA TERHADAP GURU-GURU AGAMA, DAN YANG TIDAK MENJEJAS NAMA BAIK BIDANG INI

3.1 Kedudukan mengajar Islam dan Al-Quran adalah satu amanah yang diberikan oleh masyarakat Islam dan perlu dihormati oleh golongan Asatizah. Oleh itu, seorang guru agama dan guru Al-Quran perlu berusaha untuk mengekalkan taraf akhlak yang tinggi dan tingkah laku yang mulia di dalam berurusan dengan masyarakat serta mematuhi etika Islam dalam setiap perkara umum. Ini termasuk mengelakkan paparan umum dan ungkapan penghinaan terhadap Asatizah lain yang mempunyai pandangan yang berbeza dalam beberapa isu agama. Dalam penghasilan semula bahan-bahan pengajaran, plagiat dan pemalsuan dokumen wajib dielakkan.

3.2 Undang-undang dan peraturan yang berkaitan kewangan dan amanah tidak boleh dilanggar. Apa-apa urusan dan penglibatan, sama ada swasta atau awam, yang boleh membawa kepada konflik kepentingan (Conflict of Interest), mestilah dielakkan. Ini termasuk mempromosi dan / atau menjalankan aktiviti perniagaan swasta manakala mengajar di sebuah institusi awam seperti masjid, atau menjalankan segala bentuk aktiviti yang tidak dibenarkan, termasuk mempromosikan projek amal atau derma sama ada untuk kepentingan peribadi atau komersial.

4. MENYEDARI BAHAWA TERDAPAT PELBAGAI PENDAPAT DAN ALIRAN DI DALAM AGAMA ISLAM, DAN BOLEH MEMILIH UNTUK MENERIMA PAKAI DAN MENGAJAR MANA-MANA PENDAPAT DAN ALIRAN SELAGI IA TIDAK MENJEJAS KEHARMONIAN ANTARA KUMPULAN-KUMPULAN AGAMA ATAU KAUM YANG PELBAGAI ATAU MENYEBABKAN KEKACAUAN DALAM MASYARAKAT AWAM

4.1 Kepelbagaian dalam penciptaan adalah sebahagian daripada perancangan dan kehendak Allah. Kepelbagaian ini juga membawa kepada perbezaan yang tidak dapat dielakkan (Ikhtilaf) dalam pandangan agama mengenai perkara-perkara cabang (Furu'iyyah) dalam agama, terutamanya dalam hal-hal yang dipertikaikan dari segi penetapan dan pengertian (Naṣ Zanni al-Thubut wa al-Dalalah). Perkara-perkara tersebut adalah terbuka kepada penafsiran yang boleh dilakukan dengan penuh pertanggungjawaban dengan menggunakan kaedah agama yang diakui (Manhaj shar'i) di dalam proses istidlal dan istinbaṭh.

4.2 Kepelbagaian pandangan mencerminkan ciri perbezaan dalam fiqh, justeru ia tidak boleh dijadikan sumber konflik dalam masyarakat. Dalam menanggapi perbezaan, seorang guru Islam dan guru Al-Quran harus mematuhi adab perbincangan (Adab al-Ikhtilaf) pada setiap masa. Oleh itu, seseorang Asatizah tidak boleh mendakwa bahawa pandangannya sahaja sebagai kebenaran tunggal dan / atau kumpulannya sahaja sebagai "kumpulan yang terselamat", dan pandangan orang lain sebagai sesat dan menyeleweng dengan menggunakan istilah-istilah seperti bid'ah, shirik atau kufur, kerana tuduhan seperti itu hanya akan membawa kepada ketidakharmonian dan perpecahan di dalam masyarakat.

5. DIBIMBING DALAM HAL PERUNDANGAN AGAMA OLEH KETETAPAN -KETETAPAN JAWATANKUASA FATWA

5.1 Dalam konteks Singapura, amalan dan peraturan-peraturan mengenai Islam ditentukan oleh peruntukan-peruntukan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (AMLA). Di bawah AMLA, Jawatankuasa Fatwa adalah satu-satunya badan rasmi yang boleh membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan perundangan Islam di Singapura. Oleh itu, keputusan- keputusan Jawatankuasa Fatwa mestilah dihormati. Keputusan-keputusan keagamaan dari sumber-sumber lain (termasuk yang berasal dari badan-badan fatwa luar negara) yang bercanggah dengan keputusan Jawatankuasa Fatwa tidak seharusnya diberikan keutamaan.

B. SEORANG GURU AGAMA ATAU GURU AL-QURAN TIDAK BOLEH

1. MENYATAKAN BAHAWA SEBARANG PENDAPAT MENGENAI ISLAM ATAU MANA-MANA AMALAN ISLAM ADALAH SESAT ATAU TIDAK BOLEH DITERIMA KECUALI JAWATANKUASA FATWA TELAH MEMUTUSKAN DEMIKIAN DALAM KETETAPANNYA

1.1 Panduan umum mengenai kepelbagaian madhhab dan fahaman dalam Islam adalah Risalah Amman (Amman Message), yang disokong oleh tokoh-tokoh agama dan ulama dari seluruh dunia Islam. Selain itu, Jawatankuasa Fatwa boleh mengeluarkan ketetapan dan membuat deklarasi samada ajaran tertentu dan / atau kumpulan sebagai tidak boleh diterima atau sesat. Seorang guru Islam dan guru Al-Quran tidak boleh menyatakan sebarang ajaran dan / atau kumpulan sebagai sesat jika ia bertentangan dengan Risalah Amman atau ketetapan Jawatankuasa Fatwa.

2. MELAKUKAN SEBARANG PERBUATAN YANG SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK MERENDAHKAN MANA-MANA KUMPULAN AGAMA ATAU KAUM, ATAU YANG BOLEH MEJEJASKAN KEHARMONIAN ANTARA KUMPULAN AGAMA ATAU KAUM YANG BERLAINAN ATAU MENYEBABKAN KEKACAUAN DALAM MASYARAKAT AWAM

2.1 Islam menyeru kepada penglibatan secara terhormat dan mulia dengan kumpulan-kumpulan dan masyarakat lain dengan tujuan untuk mencapai kepentingan bersama demi masyarakat. Ini dengan kesedaran wujudnya perbezaan fahaman, warna kulit dan bangsa. Dalam hal ini, apa-apa tindakan yang akan menghasut kebencian adalah tidak dibenarkan sama sekali dan oleh itu, tidak boleh diterima. Seorang guru agama dan guru Al-Quran tidak boleh menggunakan kata-kata cacian terhadap mana-mana kumpulan, kaum atau agama kerana ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan kehidupan Nabi Muhammad saw. Sebaliknya, ajaran Islam yang aman, terutamanya yang menggalakkan pembinaan hubungan erat dan saling menghormati di antara orang Islam dan bukan Islam perlu diberi penekanan. Seorang guru agama dan guru Al-Quran juga harus sedar bahawa tafsiran yang tidak tepat dan tidak bertanggungjawab terhadap teks-teks agama Islam dan pemahamannya boleh membawa kepada penggunaan kata-kata menghina dan menyakitkan hati kepada orang bukan Islam. Ini perlu dielakkan pada setiap masa.

3. MENYOKONG SEBARANG IDEA YANG BOLEH MENGGALAKKAN EKSTREMISME ATAU KEGANASAN, SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK

3.1 Terdapat bentuk-bentuk ekstremisme kontemporari di dalam mengamalkan agama yang bercanggah dengan objektif, norma (Aadah) dan tradisi Islam. Tafsiran-tafsiran menyeleweng terhadap teks-teks agama boleh membawa kepada pengamalan agama yang membebankan dan melarang perkara yang halal, seperti bekerja dan menyumbang secara aktif di dalam masyarakat di mana mereka hidup.

